

## **PETUNJUK RASULULLAH SAW DALAM PENENTUAN PROSEDUR STANDARD OPERASI BAGI MENCEGAH PENULARAN PANDEMIK COVID-19**

**Amran Abdul Halim**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Negeri Sembilan, Malaysia

**Mohammad Fahmi Abdul Hamid**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka  
Melaka, Malaysia

**Shumsudin Yabi**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Negeri Sembilan, Malaysia

**Abdulloh Salaeh**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Negeri Sembilan, Malaysia

**Mesbahul Hoque**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Negeri Sembilan, Malaysia

**Helimy Aris**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding Author’s Email: fahmihamid@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Penularan virus COVID-19 telah banyak mengorbankan ribuan nyawa serta menjangkiti jutaan manusia telah menggusarkan hati semua manusia di dunia. Virus ini telah diisyiharkan sebagai satu penyakit global serta mula memasuki negara-negara seluruh dunia. Kes pertama dikesan positif di Malaysia pada Februari 2020. Justeru itu, pihak kerajaan telah mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Maka, artikel ini bertujuan untuk menilai SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia keselarainnya dengan perbahasan Sunnah Rasulullah SAW. Kajian ini memfokuskan metodologi kualitatif deskriptif dengan penelitian terhadap hadis-

hadis berkaitan wabak dan kaedah pencegahan penularan wabak. Hasilnya, setiap saranan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan Malaysia melalui penetapan SOP yang dikeluarkan seperti larangan rentas negeri, penjarakan fizikal, kuarantin kendiri dan pemakaian pelitup muka adalah bertepatan dengan sunnah Rasulullah SAW.

**Kata Kunci:** COVID-19, SOP, PKP, Virus, Penyakit

## ***RASULULLAH SAW'S GUIDANCE IN DETERMINING STANDARD OPERATING PROCEDURES TO PREVENTING THE TRANSMISSION OF COVID-19 PANDEMIC***

### ***ABSTRACT***

*The COVID-19 contagious virus has claimed thousands of lives and infected millions of people, has upset the hearts of all people in the world. The virus has been declared a global disease and started in countries worldwide. The first case was detected positive in Malaysia in February 2020. Thus, the government has conducted standard operating operations (SOP) to curb the spread of COVID-19. Therefore, this article is intended for the results of the SOP determined by the Malaysian government in parallel with the debate on the Sunnah of the Prophet SAW. This study focuses on a descriptive qualitative methodology with a survey of hadiss related to health and disease prevention methods. As a result, every recommendation issued by the Malaysian government through the setting of SOP examples Prohibition of Cross -State Movement, physical distancing, self quarantine and wearing mask coincides with the Prophet SAW's sunnah.*

***Keywords:*** COVID-19, SOP, PKP, Virus, Disease

### ***PENDAHULUAN***

Umum mengetahui, penularan pandemik COVID-19 yang berlarutan ini telah mengubah senario kehidupan harian masyarakat. Sekatan sosial yang dilaksanakan kebanyakan negara termasuk Malaysia telah memberi kesan ke atas sistem politik, sosial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan (Abdul Rashid, 2020). Langkah-langkah pencegahan seperti mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) melalui perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengehadkan pelbagai aktiviti sosial telah membawa kepada perubahan gaya hidup harian masyarakat berbanding kehidupan sebelumnya (Rozita Talha, 2020).

Hal ini tidak hanya berlaku di Malaysia, malahan dialami oleh segenap penduduk dunia dengan penguatkuasaan perintah berkurnung (lockdown) bagi mengawal penyebaran virus COVID-19 (Greyling et.al, 2020). Sehingga kini,

wabak COVID-19 yang menular ini belum menunjukkan tanda-tanda untuk berakhir dalam masa terdekat malah kes-kes positif semakin meningkat. Langkah-langkah pencegahan seperti wujudnya perlaksanaan PKP yang mengehadkan pelbagai aktiviti sosial telah membawa kepada perubahan gaya hidup harian masyarakat berbanding kehidupan sebelumnya (Rozita Talha, 2020).

Dari sisi keselamatan masyarakat, penguatkuasaan ini diakui sebagai suatu langkah pencegahan yang sangat baik. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan akan kesan sampingan yang wujud di sebalik sekatan sosial yang dilaksanakan ini terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Dari sudut ekonomi, dipersetujui kalangan penyelidik barat mahupun tempatan (Abdul Rashid et.al., 2020) akan kesan dihadapi oleh pasaran buruh di seluruh dunia yang mempengaruhi faktor pengeluaran dan juga permintaan (Johnsen et al., 2020). Perkara ini jelas mengakibatkan tergendalanya segala aktiviti ekonomi yang menjelaskan pendapatan isi rumah dan perniagaan di luar bandar (Phillipson et al., 2020).

Bukan itu sahaja, kesan daripada penularan wabak ini, telah muncul pelbagai permasalahan berkaitan usaha dalam menghadapi pandemik ini. Pelbagai isu baharu dan persoalan berbangkit daripada penyakit baharu ini yang memerlukan huraian dan solusi dari segi hukum-hakam agama. Keadaan dunia yang sedang berubah ekoran wabak ini memerlukan panduan yang jelas daripada Syarak. Norma baharu yang terpaksa dilalui oleh masyarakat telah mengubah cara hidup seharian termasuklah amalan keagamaan yang perlu disesuaikan dengan keadaan semasa. (Habibi, 2020).

Keadaan semasa kini ekoran pandemik COVID-19 telah banyak mengubah pola hidup seharian manusia. Pelbagai penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) baru yang dikeluarkan kerajaan bagi mengekang penularan wabak ini. Hal ini sebagai usaha dalam memastikan maslahat iaitu manfaat dan kebaikan bagi individu mahupun masyarakat, khasnya semasa pandemik COVID-19. Dalam keadaan terkini yang masih berjuang memerangi pandemik COVID-19 dan belum diketahui bila ianya akan reda. Justeru, menjadi tanggungjawab individu untuk mengekalkan sikap berhati-hati dan berjaga-jaga dalam melaksanakan segala tuntutan harian bagi mengelakkan sebarang jangkitan.

Melihat Islam sebagai agama rahmat sebenarnya mampu mencari pedoman-dalam kehidupan bilamana Islam itu sendiri dengan memberikan jawapan dan jalan keluar bagi setiap permasalahan hidup yang sentiasa berkembang. Hal ini boleh dilihat melalui ajaran-ajaran syarak yang berpandukan sumber-sumber hukum Islam sama ada premier mahupun sekunder. Jika ditelusuri, terdapat Sunnah Nabi SAW yang mengetengahkan berkaitan prevensi penularan wabak. Terdapat SOP yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 pada waktu sekarang ini yang bertepatan dengan suruhan daripada Rasulullah SAW. Hal ini boleh dilihat melalui beberapa SOP umum yang diperkenalkan iaitu SOP 3S dan penjarakan sosial, selain dari menjauhkan diri daripada orang yang terkena penyakit berjangkit (Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1994).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan atau juga dikenali sebagai analisis dokumen. Proses analisis dokumen dalam kajian ini dilakukan terhadap hadis-hadis Nabi SAW berkaitan wabak dan pencegahan penularan wabak sebagai sumber primer. Manakala bagi sumber sekunder pula merujuk kepada bentuk SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Kaedah analisis data yang diterapkan dalam penulisan analisis kajian ini adalah secara deskriptif bagi menjelaskan dan membuktikan keselaruan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia menurut perbaasan Sunnah Rasulullah SAW.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan proses penilitian terhadap hadis Nabi SAW terbahagi kepada dua tema iaitu hadis berkaitan faktor penularan wabak dan hadis berkaitan pencegahan penularan wabak. Dalam bahagian ini turut membincangkan berkaitan penelitian terhadap bentuk SOP covid-19 pihak kerajaan Malaysia menurut perspektif sunnah iaitu:

### i. Hadis Rasulullah Saw Berkaitan Faktor Penularan Wabak

Terdapat nas-nas syarak yang menghabarkan akan berlakunya wabak penyakit berjangkit pada generasi yang terkemudian dari kalangan umat ini sebagai peringatan daripada Allah SWT. Antaranya adalah seperti yang disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَمْ تَظْهُرِ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ حَتَّىٰ يُعْلَمُوا بِهَا إِلَّا فَشَاءَ فِيهِمُ الطَّاغُوتُ  
وَالْأَوْجَاعُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا

Maksudnya: *Tidaklah muncul kejahatan pada sesebuah kaum sehingga mereka melakukannya secara terang-terangan melainkan akan merebak dalam kalangan mereka wabak taun serta penyakit-penyakit yang tidak pernah muncul dalam kalangan generasi sebelum mereka.* [Sunan Ibn Majah, Kitāb al-Fitan, Bab al-Uqūbāt, no. hadis 4019]

Merujuk kepada hadis diatas, terjadinya penularan wabak merupakan peringatan daripada Allah S.W.T kepada sesuatu kaum yang terdiri daripada semua golongan. Antara hadis lain yang menjelaskan perkara yang sama seperti yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah R.A beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا ظَهَرَ السُّوءُ فِي الْأَرْضِ أَنْزَلَ اللَّهُ بِأَسْأَهُ بِأَهْلِ الْأَرْضِ ، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ فِيهِمْ صَالِحُونَ؟ قَالَ نَعَمْ وَإِنْ كَانَ فِيهِمْ صَالِحُونَ، يُصِيبُهُمْ مَا أَصَابَ النَّاسُ، ثُمَّ يُرْجِعُونَ لِرَحْمَةِ اللَّهِ

Maksudnya: Apabila munculnya kejahatan di atas muka bumi maka Allah akan menurun azab-Nya kepada seluruh penduduk bumi. Aku (Ummu Salamah) bertanya: Sekalipun dalam kalangan mereka ada orang soleh? Maka Rasulullah SAW menjawab: Ya, meskipun dalam kalangan mereka ada orang soleh. Mereka ditimpak sepertimana yang ditimpak oleh orang ramai kemudian mereka kembali kepada rahmat Allah. [Tabarani, Kitāb al-Mu'jam al'Awsath. no. hadis 2089]

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa sekiranya azab Allah S.W.T menimpa sesuatu kaum, maka ia akan meliputi kesemua yang terdapat dalam kalangan tersebut sama ada terdapat di dalamnya orang soleh atau tidak. Bahkan ini dikuatkan lagi dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ عَذَابًا أَصَابَ الْعَدَابُ مَنْ كَانَ فِيهِمْ ثُمَّ بُعْثُوا عَلَى أَعْمَالِهِمْ

Maksudnya: Apabila Allah mengkehendaki azab berlaku kepada sesuatu kaum, Allah akan menimpa azab kepada semua yang berada dalam kalangan mereka. Kemudian mereka akan dibangkitkan dengan amalan-amalan mereka. [Sahīh al-Bukhārī, Kitāb al-Fitan, Bāb Idhā Anzala Allāh Bi Qawmin Adhābān, no. hadis 6726].

Merujuk kepada hadis-hadis yang dinyatakan di atas,Syeikh Muhammad Al-Amin al-Harari al-Syafi'e (2009) berkata, azab akan meliputi kesemua yang berada dalam sesebuah kaum dari kalangan orang yang taat dan juga pelaku maksiat. Begitu juga yang dinyatakan oleh Syeikh Abu al-Abbas Ahmad bin Umar al-Qurthubi (1996) menjelaskan bahawa Allah akan membinasakan kesemua mereka dengan azab yang Allah utuskan kepada mereka yang meliputi orang soleh dan juga orang jahat dari kalangan mereka. Adapun azab yang menimpa orang soleh maka itu bertujuan mengangkat darjatnya serta membanyakkan pahalanya kemudian dia akan dibangkitkan di atas niatnya yang solih.

Melihat konteks semasa, dunia dikejutkan dengan penularan wabak Coronavirus (CoV) iaitu sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related

coronavirus (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019. Jangkitan Coronavirus ini boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk. Coronavirus COVID-19 ini berpotensi menyebabkan penyakit yang teruk dan kematian, terutamanya dalam kalangan orang tua dan orang yang mempunyai masalah kesihatan atau sistem imun yang rendah. Pada awal penemuan virus COVID-19, tiada rawatan khusus atau ubat antivirus untuk jangkitan COVID-19. Rawatan diberikan hanya untuk mengurangkan gejala yang dialami pesakit (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Rentetan daripada itu, kerajaan telah menggariskan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) umum untuk diikuti dan diamalkan oleh semua masyarakat awam di Malaysia seperti :

1. Mengelakkan 3S/3C iaitu kawasan yang sesak (crowded place), kawasan yang sempit (Confined space) dan bertutur dengan jarak yang dekat (close conversation).
2. Mengamalkan 3W iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut – *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*wear*), dan sentiasa peka dengan segala amaran dari KKM yang lebih berkONSEP peringatan (*warn*) seperti:
  - a) Elak bersalaman / bersentuhan
  - b) Amalkan etika batuk dan bersin
  - c) Dapatkan rawatan segera jika bergejala
  - d) Duduk di rumah dan elakkan kunjung mengunjung
  - e) Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

## ii. Hadis Rasulullah SAW Berkaitan Preventif Wabak

Menelusuri pembacaan ilmiah, terdapat hadis-hadis Rasulullah SAW berkaitan preventif wabak dan penulis mendapati bahawa SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia adalah bertepatan dengan sunnah nabi SAW.

Asasnya, setiap hadis Nabi SAW yang berkaitan dengan langkah pencegahan wabak boleh digunakan pada waktu sekarang dalam langkah pencegahan COVID-19. Langkah-langkah tersebut termasuk preventif penyebaran wabak, iaitu dengan larangan masuk dan keluar dari kawasan yang dilanda wabak, penjarakkan fizikal dari orang yang dijangkiti penyakit berjangkit, pengasingan diri orang yang terkena penyakit wabak agar tidak bercampur dengan orang yang sihat dan menjaga kebersihan. Namun, walaupun terdapat langkah preventif yang digariskan, perlu ditegaskan juga bahawa kadangkala penyakit wabak ini masih boleh tersebar. Justeru, penulisan ini akan mengetengahkan akan segala langkah preventif yang disarankan kerajaan sebenarnya turut bertepatan dengan langkah preventif wabak yang disarankan oleh Nabi SAW. Di bawah ini hadis-hadis yang berkaitan dengan preventif wabak.

### iii. Larangan Memasuki dan Keluar Dari Kawasan Yang Dilanda Wabak

Berkenaan dengan SOP PKP ini seperti larangan merentas negeri, daerah, larangan ke tempat perhimpunan dan majlis keramaian yang mempunyai orang ramai, kesemua ini ada dasar dan nasnya sepetimana sabda Nabi SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ يَأْرُضٍ فَلَا تَقْدِمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ إِلَّا فَلَا تَخْرُجُوا  
فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: *Apabila kamu mendengarnya wabak di suatu tempat maka janganlah kamu pergi ketempat itu, dan apabila ia berlaku ditempat kamu maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.* [Sahīh al-Bukhārī, Kitab al-Tib, Bāb Mā Yudhkaru fī at-Taūn, no hadis 5730]

Menurut hadis di atas, Nabi SAW menyarankan agar seseorang tidak memasuki kawasan yang dilanda wabak penyakit dan orang yang berada di dalam kawasan tersebut dilarang meninggalkan atau keluar dari tempat tersebut (Ibn Hajar al-Asqalani, 2013).

Hadis ini bertepatan dengan apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui larangan rentas daerah dan negeri bermula dari penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020. Larangan ini seperti mana saranan Rasulullah SAW yang melarang untuk mana-mana individu memasuki daerah atau negara yang dilanda wabak penyakit berjangkit atau lari daripadanya (Ibn Hajar al-Asqalani, 2013).

Langkah pencegahan diambil kerajaan ini tidak terhenti sekadar penguatkuasaan PKP, bahkan ianya memiliki kesinambungan apabila dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi mengawal pergerakan rakyat Malaysia. Kesemua perintah ini dikuatkuasakan mengikut senario tertentu sesebuah kawasan berdasarkan nasihat KKM.

### iv. Gesaan Penjarakan Fizikal Dari Orang Yang Dijangkiti Penyakit Berjangkit

Penetapan terhadap mengelakkan diri dari mendekati mereka yang sedang sakit berjangkit sebenarnya terkandung dalam suatu hadis iaitu :

لَا عَذْوَى وَلَا طَيْرَةً، وَلَا هَامَةً وَلَا صَفَرَ، وَفِرْ مِنَ الْمَحْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ  
الْأَسَدِ

Maksudnya: “*Penyakit itu tidak menular sendiri, kepercayaan pada petanda kesialan tidak akan memberi kesan sama sekali, dan tiada kesialan pada burung hantu atau bulan Safar. Namun, jauhkanlah diri anda daripada individu berpenyakit kusta dengan bersungguh-sungguh seperti anda melepaskan diri daripada seekor singa*”. [Sahīh al-Bukhārī, Kitāb al-Tib, Bāb Lā Hāmah no hadis 5707]

Menurut Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1994), hadis ini merupakan suatu gesaan supaya menjauhi diri dari orang yang terkena penyakit berjangkit serta tidak membiarkan orang yang dijangkiti penyakit berjangkit bercampur dengan orang yang sihat kerana dibimbangi akan menjangkiti orang lain dengan takdir Allah SWT. Hal ini juga seperti yang dinyatakan oleh Ibn Solah, penyakit tidak berjangkit secara semula jadi, tetapi Allah SWT telah menjadikan percampuran antara orang sakit dengan orang sihat sebagai sebab penyakit itu berjangkit (al-Sayuti, 1996).

Oleh itu, hadis di atas jelas menunjukkan bahawa larangan supaya menjauhi orang yang mempunyai penyakit berjangkit melalui pendekatan langkah berjaga-jaga. Secara umumnya penyakit itu tidak berjangkit, tetapi ada juga penyakit-penyakit yang boleh berjangkit. Penyakit yang berjangkit itu tidak akan merebak secara semula jadi, tetapi ia merebak mestilah dengan takdir dan izin Allah SWT. Sekiranya Allah SWT tidak mengizinkannya, maka itu tidak akan berlaku. Allah SWT juga menjadikan penyebab penyakit ini menular, iaitu melalui percampuran antara pesakit dan orang yang sihat. Oleh kerana itu, Nabi SAW memerintahkan untuk menjauhinya dengan bersungguh-sungguh sehingga mengumpamakannya seperti orang yang lari daripada seekor singa.

Demikian itu jika dilihat dalam konteks semasa, langkah pencegahan ini menyerupai suatu SOP yang turut dikuatkuasakan oleh kerajaan iaitu penjarakan fizikal. Proses penjarakan fizikal merupakan suatu tindakan kawalan jangkitan yang tidak melibatkan sebarang rawatan perubatan. Langkah ini antara usaha alami yang dilakukan bagi mengurangkan kebarangkalian sentuhan antara individu yang mungkin ada membawa jangkitan.

Adapun dalam hadis yang dinyatakan, tidak ada jumlah jarak yang spesifik dinyatakan bagi pengamalan penjarakan fizikal ini. Namun demikian, gabungan cadangan daripada para pakar perubatan yang menetapkan jarak sosial sekurang-kurangnya satu meter adalah suatu langkah yang wajar, dan sekiranya dapat mengamalkan lebih dari itu ianya lebih utama. Hal ini bagi membendung wabak Covid 19 dari terus berjangkit dengan lebih meluas kepada masyarakat yang masih sihat apatah lagi melibatkan golongan berisiko seperti warga emas, kanak-kanak atau mereka yang mempunyai sejarah penyakit kronik.

## v. Orang Yang Terkena Penyakit Berjangkit Disaran Untuk Mengasingkan Diri

Mengelakkan diri daripada mereka yang dijangkiti penyakit berjangkit atas kebarangkalian untuk dijangkiti ada dinyatakan dalam hadis terdahulu. Hal ini bagi mengekang potensi penularan penyakit berjangkit. Sungguhpun potensi yang dimaksudkan tidak membawa maksud kepastian, namun bagi mereka yang telah disahkan berpenyakit berjangkit disaran untuk mengasingkan diri agar tidak berlaku penyebaran penyakitnya itu. Hal ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW:

لَا يُؤرِّدْ مُمْرِضٌ عَلَى مُصْبَحٍ

Maksudnya: “*Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.*”  
[Sahīh al-Bukhārī, Kitāb al-Tib, Bāb Lā Hāmah, no. Hadis, 5771]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2013), kaedah mengasingkan orang yang terkena penyakit berjangkit dapat membendung penyebaran penyakit tersebut. Pesakit yang telah disahkan mengalami penyakit berjangkit merupakan individu yang berkemungkinan besar menyebabkan jangkitan dan hendaklah diasingkan atau dijauhkan daripada individu yang sihat. Kesepakatan pandangan berkenaan tahap jangkitan pesakit hendaklah dilakukan oleh mereka yang berkelayakan seperti doktor. Meskipun tidak dapat dipastikan secara mutlak bahawa penyakit itu pasti berjangkit, potensi jangkitan hendaklah diambil kira untuk mengelakkan bahaya.

Dari perspektif yang lain, langkah-langkah untuk mengelakkan percampuran antara pesakit yang berpotensi menyebabkan jangkitan dan individu sihat dapat mencegah ramai orang daripada terlibat dalam perbuatan mengecam pesakit atau menafikan bencana sebagai dugaan daripada Allah. Melalui cara ini, ianya bukan sahaja memelihara penyakit itu daripada berjangkit malah memelihara akhlak dan keimanan seseorang daripada kegelinciran (Khairil Husaini Jamil, 2020).

Pengamalan sediada dalam konteks wabak Covid 19 ini sebenarnya menepati saranan hadis yang dinyatakan. Ini kerana setiap mereka yang dijangkiti akan melalui fasa pemulihan di rumah bagi mereka yang tidak memiliki sejarah kesihatan membimbangkan. Dalam fasa ini, mereka harus mengasingkan diri dalam bilik yang dilengkapi bilik mandi dan tidak dibenarkan untuk berhubung secara fizikal dengan anggota keluarga yang lain mahupun keluar dari bilik pengasingan sehingga dibenarkan untuk menamatkan fasa pemulihan di rumah.

## vi. Menutup Mulut Ketika Bersin Perkaitannya Dengan Pencegahan Penularan Wabak

Pemakaian pelitup muka merupakan antara langkah terbaik bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di samping pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

Melihat kepada praktikal ini, sememangnya Nabi SAW telah menyarankan kepada individu yang hendak bersin agar menutup wajah mereka dengan tangan, seperti mana hadis Nabi SAW,

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا عَطَسَ عَطْسًا وَجْهَهُ بِيَدِهِ أَوْ  
بِشَوْبِهِ وَعَضَّ بِهَا صَوْتَهُ

Maksudnya: *Bahwasanya apabila Nabi SAW bersin, baginda menutup wajah dengan tangan atau kainnya sambil merendahkan suaranya.* [Sunan al-Tirmidhī, Kitāb Adāb, Bāb Mā Ja’ā Fī Khafdin al-Saut wa Takhmīr al-Wajh Inda al-‘Atās, no. hadis 2745]

Menurut al-Turibishti (al-Munawi, 2001), hadis di atas merupakan adab di antara orang yang bersin dengan orang yang sedang berada atau duduk di sampingnya. Apabila seseorang itu bersin ia akan menyebabkan ketidakselesaan manusia mendengarnya dan melihatnya. Hadis di atas jika dikaitkan dengan norma baharu yang sedang diamalkan ini melalui pemakaian pelitup muka (*face mask*) bagi menghalang air liur, kahak dan hingus si pemakai dari tersebar ke udara ketika batuk atau bersin adalah bertepatan dengan hadis tentang adab bersin yang dianjurkan oleh Nabi SAW (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2020).

Selain itu juga, saranan Nabi SAW ini juga mengajar untuk mengelakkan dari mengeraskan suara ketika bersin akan membuatkan seseorang itu dihormati. Jika seseorang itu mengeraskan suaranya ketika bersin boleh mengganggu orang lain dan ini boleh memberikan prasangka buruk kepada orang yang mengeraskan suara ketika bersin itu. Tambahan pada masa kini, rata-rata semua orang memiliki daya sensitiviti yang tinggi terhadap bersin atau sebarang masalah melibatkan pernafasan. Justeru, sekiranya seseorang itu tidak memakai pelitup muka maka ia menimbulkan persepsi tidak baik walaupun seseorang individu itu tidak mempunyai simptom-simpton virus ini.

Dalam penguatkuasaan semasa, kaedah pemakaian pelitup muka ini juga sebenarnya merupakan langkah terbaik bagi mencegah penularan wabak COVID-19 disamping pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Serata dunia telah mengamalkannya dan banyak kajian menunjukkan keberkesanan langkah tersebut. Selain itu, baru-baru ini melihat kepada peningkatan kes yang tinggi dan kewujudan varian baharu di negara ini juga telah disarankan agar untuk memakai pelitup muka berganda. Pihak *Centers for Disease Control* (CDC) Amerika Syarikat iaitu Dr Anthony Fauci telah menjalankan validasi ke atas pemakaian pelitup muka berganda. Ia didapati membantu menapis lebih banyak partikel berbanding satu pelitup muka kain seterusnya dapat mengurangkan risiko pemakai kepada pendedahan virus COVID-19. Sememangnya pemakaian pelitup muka berganda akan menjadikan pernafasan sedikit sukar, namun secara umumnya penggunaan pelitup muka perubatan (3-ply surgical mask) dengan

pelitup muka kain dapat digunakan dengan baik oleh kebanyakan pengguna dan ianya tidak mengurangkan pembekalan oksigen kepada pemakai (Ketua Pengarah Kesihatan, 2021).

Berdasarkan hadis berkaitan langkah preventif penularan wabak seperti yang disarankan oleh Nabi SAW di atas, ia merupakan sebagai satu usaha seseorang atas kapasitinya sebagai manusia seterusnya berdoa kepada Allah SWT untuk menjaga diri dari terkena wabak berjangkit. Sungguhpun hadis itu menjadi sandaran umum, namun pemakaiannya pada masa sekarang tetap relevan dalam situasi genting penularan wabak COVID 19 ini. Melalui penguatkuasaan SOP oleh kerajaan, adalah suatu kewajipan untuk semua masyarakat mengambil langkah berjaga-jaga dalam mengekang diri dari terjebak dengan wabak tersebut.

## PENUTUP

Dapat rumuskan bahawa SOP yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan seperti larangan rentas negeri, penjarakan fizikal, kuarantin kendiri dan pemakaian pelitup muka menepati dengan saranan Nabi SAW. Hal ini menunjukkan juga bahawa hadis Nabi berkaitan preventif wabak telah mendahului dalam menggariskan langkah pencegahan penyakit atau wabak berjangkit. Bukan itu sahaja, hal ini juga membuktikan bahawa sunnah Nabi sentiasa kekal relevan dan mempunyai jawapan kepada semua permasalahan manusia dan ia amat sesuai pada setiap zaman dan tempat. Oleh itu, masyarakat perlu bersama-sama menjadi ejen bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 lantas mengurangkan risiko kematian seterusnya memastikan COVID-19 dapat dibendung daripada terus tersebar dan rantaiannya dapat diputuskan. Pematuhan SOP yang penuh berdisiplin adalah penting untuk memutuskan rantaian penularan jangkitan virus di kalangan masyarakat. Tindakan dan kepatuhan setiap individu akan SOP yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan menentukan tahap penularan wabak COVID-19 di Malaysia.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah. (1994). *Al-Masnu‘ fi Ma‘rifah al-Hadis al-Mawdu‘*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- Abdul Rashid Abdul Aziz. Et. al. (2020). Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), Volume 5, Issue 12, 31.
- Abu Al-Abbas Ahmad bin Umar al-Qurthubi. (1996). *Al-Mufhim*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Dzulkefly Ahmad. (2020). Kes pertama 2019-nCov babitkan rakyat Malaysia. Dicapai melalui <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652501/kes-pertama-2019-ncov-babitkan-rakyat-malaysia>
- Greyling, Talita & Rossouw, Stephanie & Adhikari, Tamanna. (2020). A tale of three countries: How did Covid-19 lockdown impact happiness?. Dicapai

- melalui GLO Discussion Paper, No. 584, Global Labor Organization (GLO), Essen. 1-19.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (2013). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Ilmiyyah.
- Jalal al-Din Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti. (1996). *Tadrib al-Rawi Fi Syarh Taqrib*. T.p:t.t
- Johnsen, M. F., Kaplan, J., Frias, L., & Morgan. (2020). A Third Of The Global Population Is On Coronavirus Lockdown-Here's Our Constantly Updated List Of Countries And Restrictions. Business Insider Australia. Dicapai melalui <https://www.businessinsider.com.au/countries-on-lockdown-coronavirus-italy2020-3>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Elakkan 3S. Dicapai melalui <https://www.infosihat.gov.my/index.php/multimedia/infografik/item/cegah-covid-19-amalkan-norma-baharu-elakkan-3s>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (Covid-19). Dicapai melalui <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (Covid-19). Dicapai melalui <http://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/feb/vaksin-pertama-pfizer-telah-tiba-di-malaysia>
- Khairil Husaini Jamil. (2020). *Nasamat al-Awn*. Selangor: Himpunan Keilmuan Muslim.
- Muhammad Abd al-Rauf al-Munawi. (2001). *Faid al-Qadir Syarah al-Jami' al-Saghir min Ahadith lil Basyir wa al-Nadhir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Al-Amin al-Harari al-Syafi'e. (2009). *Al-Kaukab al-Wahhaj Syarah Sahih Muslim*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Phillipson, J., Gorton, M., Turner, R., Shucksmith, M., Aitken-McDermott, K., Areal, F., Cowie, P., Hubbard, C., Maioli, S., McAreavey, R., Souza-Monteiro, D., Newbery, R., Panzone, L., Rowe, F., & Shortall, S. (2020). The COVID-19 Pandemic And Its Implications For Rural Economies. *Sustainability* 2020, 12, 3973. Dicapai melalui <https://doi.org/10.3390/su12103973>.
- Rozita Talha. (2020). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia. Dicapai melalui [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. (2020). *Al-Bayan*. (Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. (2020). *Soal Jawab Fiqh Covid-19*. (Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).